AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 10. October Issue (2026)

LIABILITY STRUCTURE IN CRYPTO ASSET CUSTODIANSHIP: A CLASSICAL SHĀFIʿĪ FIQH ANALYSIS OF THE CONCEPT OF DHAMĀN IN THE BLOCKCHAIN ECOSYSTEM

STRUKTUR LIABILITI DALAM PENJAGAAN ASET KRIPTO: ANALISIS FIQH KLASIK SHĀFIʿĪ TERHADAP KONSEP *DHAMĀN* DALAM EKOSISTEM *BLOCKCHAIN*

Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli[i] Muhammad Hamizan Ab Hamid[ii] & Sirajuddin Siswadi Putera Mohamed Shith[iii]

[i] (*Corresponding author*) Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia. syahruldeen@uitm.edu.my
[ii] Senior Lecturer. Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia. muhdhamizan@uitm.edu.my
[iii] Senior Lecturer. Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia. sirajuddin@uitm.edu.my

Article Progress
Received: *25 June 2026* ***Revised:*** *7 July 2026* ***Accepted:*** *1 August 2026*

Abstract

The rapid development of blockchain technology and cryptocurrency markets has introduced new forms of digital asset management that challenge traditional concepts of liability in financial systems. Although blockchain is commonly described as a decentralized ecosystem without intermediaries, in practice many digital assets are held through cryptocurrency exchanges that function as custodians by controlling customers' private keys. This raises significant legal and Sharīʿah questions regarding liability for the loss of digital assets, particularly within the framework of fiqh muʿāmalāt, which emphasizes responsibility over property under one's control. This study aims to examine the liability structure in blockchain asset custodianship through the concept of dhamān in the classical Shāfiʿī school of Islamic jurisprudence. The research adopts a qualitative approach using normative textual analysis of major classical works such as Nihāyat al-Maṭlab by Al-Juwaynī and al-Ḥāwī al-Kabīr by Al-Māwardī, alongside contemporary literature on fintech and digital asset governance. The analysis identifies several Shāfiʿī principles of dhamān related to negligence, unauthorized use of property, economic benefit, and allocation of risk between multiple parties. The findings indicate that many cryptocurrency platforms substantively operate under the characteristics of yad al-ḍamān, despite contractual attempts to disclaim responsibility for asset losses. The study argues that such structures may contradict Islamic legal principles linking control over property with liability for risk. Therefore, this research proposes a Sharīʿah-based liability framework that integrates digital asset control, economic benefit, and custodial responsibility within the blockchain ecosystem.

Keywords: *Blockchain, Cryptocurrency, Dhamān, Fiqh, Governance.*

Abstrak

Perkembangan teknologi blockchain dan pasaran kripto telah mewujudkan bentuk baharu pengurusan aset digital yang mencabar kerangka tradisional

tanggungjawab dalam sistem kewangan. Walaupun ekosistem blockchain sering digambarkan sebagai sistem kewangan teragih tanpa institusi perantara, realiti pasaran menunjukkan bahawa sebahagian besar aset digital disimpan melalui platform pertukaran yang bertindak sebagai kustodian dengan mengawal private keys pelanggan. Situasi ini menimbulkan persoalan penting berkaitan liabiliti terhadap kehilangan aset digital, khususnya dari perspektif fiqh muamalat yang menekankan tanggungjawab terhadap harta di bawah penguasaan seseorang pihak. Kajian ini bertujuan menganalisis struktur liabiliti dalam penjagaan aset blockchain melalui kerangka konsep dhamān dalam fiqh mazhab Shāfiʿī. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis normatif terhadap teks turath utama seperti Nihāyat al-Maṭlab karya Al-Juwaynī dan al-Hāwī al-Kabīr karya Al-Māwardī, di samping menggabungkan literatur kontemporari berkaitan fintech dan tadbir urus aset digital. Analisis mengenal pasti beberapa prinsip dhamān berkaitan kecuaian penjagaan harta, pelampauan penggunaan aset, hubungan antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko, serta pembahagian liabiliti apabila kerugian melibatkan lebih daripada satu pihak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa banyak platform kripto beroperasi dalam keadaan yang secara substantif menyerupai yad al-ḍamān, walaupun secara kontraktual cuba menafikan tanggungjawab terhadap kehilangan aset pelanggan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kerangka liabiliti Syariah yang menghubungkan penguasaan aset digital dengan tanggungjawab terhadap keselamatan harta pelanggan.

Kata kunci: *Blockchain, Kripto, Dhamān, Fiqh, Tadbir.*

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi *blockchain* telah memperkenalkan bentuk baharu pemilikan dan pengurusan aset digital yang beroperasi melalui rangkaian teragih tanpa kebergantungan kepada institusi kewangan tradisional, sekali gus mengubah struktur tanggungjawab dalam pengurusan harta kewangan moden (Chen & Bellavitis, 2022; Ullah et al., 2025; Shin & Rice, 2022).

Walaupun teknologi ini sering dipersembahkan sebagai sistem yang bersifat sistem yang bersifat decentralised dan berasaskan mekanisme *trust minimisation*, autonomi, realiti operasi pasaran kripto menunjukkan bahawa sebahagian besar aset digital sebenarnya disimpan dan dikawal oleh platform pertukaran atau kustodian yang memegang *private keys* bagi pihak pengguna (Hassan, Aliyu, & Saiti, 2022; Rabbani et al., 2023).

Keadaan ini menimbulkan persoalan penting dalam fiqh muamalat mengenai status tanggungjawab pihak yang mengawal aset tersebut, khususnya berkaitan konsep *dhamān*, *yad al-amānah*, dan *yad al-ḍamān*, yang menjadi asas kepada penentuan liabiliti dalam hukum harta Islam.

Dalam kerangka fiqh klasik, tanggungjawab terhadap harta tidak semata-mata ditentukan oleh pemilikan formal, tetapi lebih berkait rapat dengan bentuk penguasaan dan tahap kawalan terhadap harta tersebut. Para fuqaha mazhab Shāfiʿī menjelaskan bahawa pemegang amanah pada asasnya tidak menanggung liabiliti terhadap kerosakan harta selagi tidak berlaku *taʿaddī* (kelampauan) atau *taqṣīr* (kecuaian), kerana penguasaan pemilikan amanah hanya berfungsi sebagai penjaga harta milik pihak lain.

Prinsip ini dirumuskan dalam kaedah fiqh yang masyhur bahawa pemegang amanah tidak menanggung tanggungan kecuali apabila berlaku pelampauan atau kecuaian dalam penjagaan harta. Perbahasan turath menegaskan bahawa liabiliti tidak semestinya bergantung kepada hubungan kontrak semata-mata, tetapi turut ditentukan oleh bentuk kawalan sebenar terhadap harta.

Dalam analisis *al-Māwardī* mengenai penggunaan harta yang melebihi had yang dipersetujui, beliau menegaskan bahawa pihak yang menyebabkan kerosakan melalui

pelampauan tindakan akan memikul tanggungjawab penuh terhadap kerugian yang timbul. Bahkan sekiranya kerosakan berlaku akibat faktor luar selepas berlakunya pelampauan tersebut, tanggungjawab *dhamān* masih tetap dikenakan kerana sifat penguasaan pemilikan telah berubah daripada amanah kepada pencerobohan.

Prinsip ini menunjukkan bahawa fiqh muamalat menilai tanggungjawab berdasarkan hakikat penguasaan terhadap harta, bukan sekadar bentuk formal kontrak yang dinyatakan oleh pihak-pihak yang berakad. Kerangka fiqh ini menjadi sangat signifikan apabila dianalisis dalam konteks sistem kustodian aset kripto. Walaupun banyak platform pertukaran kripto mendakwa bahawa mereka hanya bertindak sebagai penyedia infrastruktur teknologi, hakikatnya sebahagian besar platform tersebut mengawal *private keys* pelanggan dan menguruskan transaksi aset digital bagi pihak pengguna.

Dalam keadaan sedemikian, kawalan sebenar terhadap aset tidak lagi berada pada pemilik nominal, tetapi berada di penguasaan pemilikan kustodian digital yang mengendalikan sistem penyimpanan dan pemindahan aset. Keadaan ini menimbulkan persoalan kritikal sama ada struktur tersebut masih boleh diklasifikasikan sebagai *yad al-amānah*, atau sebenarnya telah berubah kepada bentuk penguasaan yang membawa implikasi dhamān dalam hukum muamalat.

Tambahan pula, sejarah pasaran kripto menunjukkan bahawa kehilangan aset pengguna bukanlah fenomena yang jarang berlaku, sama ada akibat kegagalan sistem keselamatan, serangan siber, salah urus dana pelanggan, atau ketidakpatuhan terhadap prinsip pengasingan aset. Beberapa kajian dalam literatur fintech menunjukkan bahawa insiden kehilangan aset digital sering dikaitkan dengan kelemahan tadbir urus kustodian serta kekaburan struktur liabiliti dalam platform pertukaran kripto (Muneeza & Mustapha, 2021; Rabbani et al., 2023; Allen et al., 2022).

Dalam banyak kes, platform tersebut menghadkan tanggungjawab mereka melalui terma kontrak digital yang mengehadkan liabiliti walaupun mereka mempunyai kawalan penuh terhadap aset pelanggan. Pendekatan ini menimbulkan ketegangan normatif apabila dianalisis dari perspektif fiqh muamalat, kerana prinsip Syariah menegaskan bahawa manfaat ekonomi daripada sesuatu harta mesti disertai dengan tanggungjawab terhadap risiko yang berkaitan.

Prinsip ini dinyatakan secara jelas dalam kaedah fiqh yang terkenal iaitu *الخراج بالضمان*, yang menunjukkan bahawa manfaat ekonomi daripada sesuatu harta berkait rapat dengan tanggungjawab risiko terhadapnya. Dalam penjelasan al-Juwaynī terhadap hadis tersebut, beliau menyatakan bahawa:

{ما يخرج من المبيع من فائدة فهو للمشتري على مقابلة كون المبيع في ضمانه}

Huraian ini menjelaskan bahawa keuntungan yang diperoleh daripada sesuatu harta merupakan balasan kepada kesediaan pihak yang memilikinya untuk menanggung risiko kerosakan atau kehilangan harta tersebut. Justeru, pemisahan antara keuntungan ekonomi dan tanggungjawab risiko yang sering berlaku dalam struktur kripto moden menimbulkan persoalan serius mengenai keserasian model tersebut dengan prinsip asas fiqh muamalat.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini bertujuan menganalisis struktur liabiliti dalam sistem penjagaan aset blockchain melalui kerangka teori dhamān dalam fiqh mazhab Shāfiʿī. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga persoalan utama. Pertama, bagaimana konsep *yad al-amānah* dan *yad al-ḍamān* dalam turath Shāfiʿī menentukan tanggungjawab penjaga harta. Kedua, sejauh mana struktur kustodian dalam platform kripto menepati atau menyimpang daripada kerangka fiqh tersebut.

Ketiga, apakah implikasi teori dhamān terhadap struktur liabiliti dalam ekosistem *blockchain* yang semakin berkembang. Kajian ini berhujah bahawa banyak model penjagaan aset dalam industri kripto beroperasi dalam keadaan yang secara substantif menyerupai *yad al-ḍamān*, walaupun secara kontraktual platform tersebut cuba mengekalkan status sebagai penyedia perkhidmatan teknologi tanpa tanggungjawab terhadap kehilangan aset.

Analisis terhadap teks turath Shāfiʿī menunjukkan bahawa pendekatan sedemikian berpotensi bercanggah dengan prinsip fiqh muamalat yang menegaskan bahawa pihak yang menguasai harta dan memperoleh manfaat ekonomi daripadanya tidak boleh mengelakkan tanggungjawab terhadap risiko yang berkaitan. Melalui pendekatan ini, kajian ini menyumbang kepada literatur kewangan Islam dengan membangunkan kerangka analisis fiqh bagi menilai struktur liabiliti dalam teknologi *blockchain*.

Kajian ini juga menyediakan asas teori yang lebih jelas untuk menilai tanggungjawab kustodian aset digital dalam kerangka Syariah, sekali gus membuka ruang kepada pembangunan model tadbir urus kripto yang lebih selaras dengan prinsip keadilan dan perlindungan harta dalam hukum Islam.

SOROTAN KAJIAN

Konsep *Dhamān* dalam Fiqh Muamalat Mazhab Shāfiʿī

Konsep *dhamān* merupakan salah satu asas penting dalam teori tanggungjawab harta dalam fiqh muamalat, kerana ia menentukan keadaan di mana seseorang individu atau institusi wajib menanggung kerugian yang timbul daripada kerosakan atau kehilangan harta milik pihak lain. Dalam kerangka mazhab Shāfiʿī, tanggungjawab ini tidak hanya berkait dengan pemilikan formal terhadap harta, tetapi juga dengan bentuk penguasaan terhadap harta tersebut serta cara ia diuruskan dalam interaksi muamalat.

Oleh itu, perbahasan mengenai *yad al-amānah*, *yad al-ḍamān*, *taʿaddī*, dan *taqṣīr* menjadi asas penting dalam menentukan sama ada seseorang pemegang harta bertanggungjawab terhadap kerugian yang berlaku. Pendekatan ini menjadikan fiqh muamalat mempunyai struktur analisis liabiliti yang lebih substantif berbanding pendekatan kontraktual semata-mata dalam undang-undang moden (Kamali, 2024; Lahsasna, 2023; Haneef & Furqani, 2022).

Kajian kontemporari mengenai blockchain dan kewangan digital menunjukkan bahawa walaupun teknologi ini sering dipersembahkan sebagai sistem kewangan teragih yang tidak memerlukan institusi perantara, realiti operasi pasaran menunjukkan bahawa ekosistem kripto masih bergantung kepada institusi kustodian yang mengawal akses kepada aset digital pengguna melalui pengurusan *private keys* dan sistem dompet kustodian (Aramonte, Huang, & Schrimpf, 2021; Allen et al., 2022; Chen & Bellavitis, 2022).

Kajian empirikal mengenai operasi pasaran kripto juga menunjukkan bahawa kehilangan aset digital sering berpunca daripada kelemahan tadbir urus kustodian, kegagalan sistem keselamatan, serta kekaburan struktur liabiliti antara platform dan pengguna (Gudgeon et al., 2021; Cong, Li, & Wang, 2023; Shin & Rice, 2022).

Dalam literatur kewangan Islam pula, beberapa penyelidik menekankan bahawa integrasi teknologi blockchain dalam kewangan Islam memerlukan analisis yang lebih mendalam terhadap prinsip pengagihan risiko dan tanggungjawab dalam fiqh muamalat kerana banyak model *fintech* moden berpotensi memisahkan manfaat ekonomi daripada tanggungjawab risiko terhadap harta (Hassan, Aliyu, & Saiti, 2022; Muneeza & Mustapha, 2021; Rabbani et al., 2023).

Tambahan pula, penyelidikan dalam bidang ekonomi digital menunjukkan bahawa struktur institusi dalam pasaran kripto sering menimbulkan ketidakseimbangan maklumat dan ketidakseimbangan liabiliti antara penyedia platform dan pengguna, khususnya apabila platform memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset digital tanpa memikul tanggungjawab penuh terhadap kerugian yang dialami oleh pengguna (Catalini & Gans, 2021; Howell, Niessner, & Yermack, 2023; Cong, Li & Wang, 2023).

Beberapa kajian terkini juga menegaskan bahawa kekaburan struktur liabiliti dalam pasaran kripto telah mendorong perbahasan regulatori global mengenai tanggungjawab kustodian aset digital dan perlindungan pengguna dalam sistem kewangan berasaskan blockchain (Auer, Cornelli, & Frost, 2022; Arner, Buckley, Zetzsche, & Didenko, 2023; Zetzsche, Buckley, Arner, & Didenko, 2023).

Oleh itu, analisis terhadap teknologi blockchain memerlukan pendekatan yang bukan sahaja menilai kecekapan teknologi atau kesahihan kontrak digital, tetapi juga

menilai struktur tanggungjawab terhadap pengurusan harta dalam ekosistem tersebut melalui kerangka normatif yang lebih komprehensif.

Dalam tradisi turath Shāfiʿī, fuqaha membezakan secara jelas antara dua bentuk penguasaan terhadap harta iaitu *yad al-amānah* dan *yad al-ḍamān*. Penguasaan pemilikan amanah merujuk kepada keadaan di mana seseorang memegang harta milik pihak lain dengan tujuan penjagaan atau pengurusan tanpa niat pemilikan, seperti dalam akad *wadīʿah*, *ijārah*, atau *wakālah*.

Dalam keadaan ini, pemegang amanah tidak menanggung liabiliti terhadap kerosakan harta selagi tidak berlaku pelampauan atau kecuaian dalam penjagaan. Sebaliknya, apabila berlaku *taʿaddī* atau *taqṣīr*, sifat penguasaan pemilikan tersebut boleh berubah menjadi penguasaan pemilikan tanggungan yang mewajibkan pemegang harta menanggung kerugian sepenuhnya.

Struktur ini menunjukkan bahawa fiqh muamalat menilai tanggungjawab berdasarkan tingkah laku dan tahap kawalan terhadap harta, bukan sekadar status kontrak formal antara pihak-pihak yang berakad. Perbahasan ini dihuraikan secara mendalam oleh fuqaha Shāfiʿī dalam karya turath mereka.

Sebagai contoh, sebagaimana dinyatakan oleh al-Juwaynī dalam Nihāyat al-Maṭlab (Vol. 5, p. 214), dalam perbahasan tanggungjawab akibat pelampauan penggunaan harta, beliau menjelaskan bahawa apabila seseorang menggunakan harta melebihi had yang dibenarkan, tindakan tersebut menukar sifat penguasaan pemilikannya daripada amanah kepada pencerobohan, sekali gus mewajibkan tanggungjawab dhamān terhadap kerosakan yang berlaku.

Huraian ini menunjukkan bahawa perubahan sifat penguasaan pemilikan dalam fiqh tidak bergantung kepada perubahan kontrak, tetapi kepada perubahan sifat penggunaan dan kawalan terhadap harta. Prinsip ini memberikan asas teori yang penting dalam menilai struktur pengurusan aset moden yang melibatkan pihak ketiga sebagai penjaga harta.

Perbahasan yang sama turut dijelaskan oleh al-Māwardī dalam *al-Hāwī al-Kabīr*, dalam bab yang membincangkan kerosakan harta akibat pelampauan penggunaan dalam akad sewaan dan pengangkutan. Dalam perbahasan tersebut, beliau menegaskan bahawa pihak yang menggunakan harta melebihi had yang dipersetujui bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerosakan yang timbul, kerana pelampauan tersebut menukar sifat penguasaan harta daripada amanah kepada bentuk pencerobohan yang membawa tanggungjawab dhamān.

Analisis al-Māwardī menunjukkan bahawa fiqh muamalat tidak membenarkan seseorang memperoleh manfaat daripada penggunaan harta tanpa menanggung akibat risiko yang terhasil daripada penggunaan tersebut. Pendekatan ini menjadikan konsep dhamān bukan sekadar instrumen pampasan, tetapi juga mekanisme keadilan dalam pengagihan risiko dalam muamalat.

Selain itu, fuqaha Shāfiʿī turut menekankan hubungan erat antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko dalam pemilikan harta. Hubungan ini dirumuskan dalam kaedah fiqh yang terkenal iaitu الخراج بالضمان, yang menunjukkan bahawa manfaat yang diperoleh daripada sesuatu harta berkait rapat dengan tanggungjawab terhadap risiko kerosakan atau kehilangan harta tersebut.

Sebagaimana dijelaskan oleh al-Juwaynī dalam Nihāyat al-Maṭlab (Vol. 5, p. 214), dalam perbahasan mengenai hak manfaat daripada harta yang dijual dan kemudian ditemui cacat, keuntungan yang diperoleh daripada harta tersebut diberikan kepada pihak yang menanggung risiko kerosakan terhadapnya. Prinsip ini menegaskan bahawa keuntungan ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab terhadap risiko yang berkaitan dengan harta tersebut.

Dari perspektif teori muamalat, hubungan antara manfaat dan risiko ini sering dirumuskan melalui kaedah الغنم بالغرم, yang menegaskan bahawa keuntungan dan tanggungan risiko merupakan dua unsur yang tidak boleh dipisahkan dalam transaksi harta. Prinsip ini menjadi asas kepada pelbagai struktur kontrak dalam kewangan Islam

seperti *mushārakah*, *muḍārabah*, dan *ijārah*, di mana keuntungan ekonomi sentiasa berkait dengan tanggungjawab risiko terhadap aset atau aktiviti ekonomi yang terlibat (Hassan et al., 2022; Muneeza & Mustapha, 2021).

Dalam konteks ini, fiqh muamalat menolak struktur transaksi yang memisahkan secara mutlak antara pihak yang menikmati manfaat ekonomi dan pihak yang menanggung risiko kerugian. Berdasarkan kerangka tersebut, konsep dhamān dalam mazhab Shāfiʿī boleh difahami sebagai mekanisme normatif yang memastikan keadilan dalam pengagihan risiko dalam transaksi harta.

Ia berfungsi untuk mengelakkan keadaan di mana seseorang pihak memperoleh manfaat ekonomi tanpa menanggung tanggungjawab terhadap risiko yang timbul daripada penggunaan atau penguasaan harta. Pendekatan ini memberikan asas teori yang sangat penting untuk menilai struktur liabiliti dalam teknologi kewangan moden, khususnya dalam ekosistem blockchain yang melibatkan pelbagai pihak dalam pengurusan aset digital.

Perkembangan teknologi blockchain telah mewujudkan bentuk baharu penguasaan terhadap harta digital melalui sistem penyimpanan kriptografi yang dikawal oleh *private keys*. Walaupun teknologi ini sering digambarkan sebagai sistem yang bersifat teragih dan tidak bergantung kepada perantara, realiti operasi pasaran menunjukkan bahawa sebahagian besar pengguna kripto menyimpan aset mereka melalui platform kustodian yang mengawal *private keys* bagi pihak pelanggan.

Keadaan ini menjadikan platform tersebut sebagai penjaga sebenar terhadap aset pelanggan, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai bentuk penguasaan pemilikan yang wujud dalam struktur tersebut sama ada ia boleh diklasifikasikan sebagai *yad al-amānah* atau sebenarnya telah berubah kepada bentuk *yad al-ḍamān*. Literatur kontemporari mengenai fintech dan blockchain turut mengakui bahawa struktur kustodian aset digital sering menimbulkan kekaburan dari segi tanggungjawab liabiliti.

Banyak platform pertukaran kripto mengehadkan tanggungjawab mereka melalui kontrak digital walaupun mereka mengawal akses kepada aset pelanggan secara langsung. Kajian dalam bidang fintech menunjukkan bahawa pendekatan ini mewujudkan ketidakseimbangan risiko antara platform dan pengguna kerana pengguna menanggung risiko kehilangan aset walaupun mereka tidak mempunyai kawalan sebenar terhadap sistem penyimpanan aset tersebut (Chen & Bellavitis, 2022; Allen et al., 2022; Ullah et al., 2025).

Keadaan ini menimbulkan persoalan kritikal mengenai keserasian struktur tersebut dengan prinsip fiqh muamalat yang menegaskan hubungan erat antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko. Oleh itu, analisis terhadap konsep *dhamān* dalam *turath* Shāfiʿī menjadi sangat relevan dalam menilai struktur liabiliti dalam ekosistem blockchain. Dengan memahami prinsip asas yang menghubungkan penguasaan harta, manfaat ekonomi, dan tanggungjawab risiko, kajian ini berusaha membina kerangka analisis fiqh yang lebih sistematik bagi menilai struktur kustodian dalam industri kripto moden.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis normatif fiqh bagi menilai struktur liabiliti dalam penjagaan aset blockchain dari perspektif hukum muamalat Islam. Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian bukan untuk menilai prestasi teknologi blockchain dari sudut teknikal, tetapi untuk menganalisis keserasian struktur tanggungjawab dalam ekosistem kripto dengan prinsip fiqh yang mengawal pengurusan harta dalam Islam.

Oleh itu, metodologi kajian menggabungkan analisis terhadap sumber turath fiqh mazhab Shāfiʿī dengan analisis terhadap struktur operasi platform kripto serta kerangka regulatori kontemporari dalam kewangan Islam. Pada peringkat pertama, kajian ini menjalankan analisis tekstual terhadap sumber turath utama dalam mazhab Shāfiʿī yang membincangkan konsep *dhamān*, *yad al-amānah*, *yad al-ḍamān*, serta prinsip tanggungjawab terhadap harta yang dipegang oleh pihak lain.

Sumber-sumber klasik seperti *Nihāyat al-Maṭlab* karya al-Juwaynī, *al-Hāwī al-Kabīr* karya *al-Māwardī*, *al-Majmūʿ* karya al-Nawawī, dan *al-Muhadhdhab* karya al-Shīrāzī dianalisis bagi mengenal pasti prinsip asas yang digunakan oleh fuqaha dalam menentukan tanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan harta dalam transaksi muamalat.

Analisis terhadap teks turath ini memberi tumpuan kepada tiga tema utama iaitu bentuk tangan dalam penguasaan harta, keadaan yang menyebabkan perubahan tangan daripada amanah kepada tanggungan, serta mekanisme pampasan apabila berlaku kerugian terhadap harta.

Pada peringkat kedua, kajian ini meneliti struktur operasi penjagaan aset dalam ekosistem *blockchain*, khususnya dalam platform pertukaran kripto yang bertindak sebagai kustodian aset digital. Analisis ini melibatkan penelitian terhadap model penyimpanan aset dalam sistem dompet kustodian, peranan platform dalam mengawal *private keys* pelanggan, serta bentuk pengurusan aset yang dijalankan oleh platform tersebut dalam aktiviti perdagangan dan pengurusan kecairan.

Penelitian terhadap struktur ini penting bagi menentukan sama ada hubungan antara pengguna dan platform boleh diklasifikasikan sebagai hubungan amanah atau sebenarnya melibatkan bentuk penguasaan yang membawa implikasi tanggungjawab dhamān dalam fiqh muamalat. Dalam konteks ini, kajian turut merujuk kepada literatur fintech kontemporari yang membincangkan struktur operasi platform kripto dan implikasi risiko dalam pengurusan aset digital (Allen et al., 2022; Chen & Bellavitis, 2022; Shin & Rice, 2022).

Pada peringkat ketiga, kajian ini menilai struktur liabiliti dalam ekosistem blockchain melalui analisis terhadap kerangka regulatori kewangan Islam kontemporari. Dokumen dasar yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan inovasi teknologi kewangan serta perlindungan pengguna dalam sistem kewangan digital dianalisis bagi memahami pendekatan regulatori terhadap pengurusan risiko dalam inovasi kewangan.

Selain itu, piawaian tadbir urus yang diterbitkan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) turut dirujuk bagi menilai prinsip akauntabiliti institusi kewangan dalam pengurusan dana pelanggan (AAOIFI, 2020; AAOIFI, 2022). Analisis terhadap dokumen regulatori ini membolehkan kajian menilai sejauh mana prinsip fiqh mengenai tanggungjawab terhadap harta diintegrasikan dalam kerangka tadbir urus kewangan Islam moden.

Berdasarkan analisis terhadap sumber turath, literatur *fintech*, dan kerangka regulatori kewangan Islam, kajian ini membangunkan satu kerangka analisis fiqh berasaskan konsep dhamān bagi menilai struktur liabiliti dalam penjagaan aset blockchain. Kerangka ini dibangunkan melalui sintesis terhadap dua puluh prinsip fiqh yang berkaitan dengan tanggungjawab terhadap harta yang dipegang oleh pihak lain dalam fiqh muamalat.

Prinsip-prinsip ini merangkumi kaedah mengenai perubahan sifat tangan akibat pelampauan atau kecuaian, hubungan antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko, serta mekanisme pembahagian liabiliti apabila kerugian melibatkan lebih daripada satu pihak. Melalui kerangka ini, kajian menilai struktur kustodian dalam ekosistem kripto bagi menentukan sama ada model tersebut selaras dengan prinsip fiqh yang menghubungkan penguasaan harta dengan tanggungjawab terhadap risiko.

Pendekatan metodologi ini membolehkan kajian menggabungkan analisis turath fiqh dengan kajian terhadap struktur teknologi kewangan moden secara sistematik. Dengan menggunakan kerangka *dhamān* sebagai alat analisis, kajian ini berusaha menilai bukan sahaja kesahihan kontrak dalam ekosistem *blockchain*, tetapi juga keserasian struktur liabiliti dalam sistem tersebut dengan prinsip perlindungan harta dalam Syariah.

Pendekatan ini memberikan asas metodologi yang lebih komprehensif bagi menilai inovasi teknologi kewangan dari perspektif fiqh muamalat, khususnya dalam konteks pengurusan aset digital yang semakin berkembang dalam sistem kewangan global.

DAPATAN KAJIAN

Perkembangan pasaran kripto sering digambarkan sebagai revolusi kewangan yang menghapuskan kebergantungan kepada institusi perantara, namun struktur sebenar operasi pasaran menunjukkan bahawa sebahagian besar aset digital disimpan melalui platform kustodian yang mengawal akses kepada *private keys* pengguna (Allen et al., 2022; Chen & Bellavitis, 2022; Shin & Rice, 2022).

Dalam sistem ini, pengguna tidak mengawal secara langsung akses kriptografi terhadap aset mereka, sebaliknya platform pertukaran mengurus penyimpanan aset melalui dompet kustodian yang berada di bawah kawalan sistem dalaman platform. Keadaan ini mewujudkan bentuk penguasaan terhadap harta yang secara substantif menyerupai hubungan amanah dalam fiqh muamalat, kerana platform tersebut memegang harta milik pelanggan bagi tujuan penjagaan dan pengurusan transaksi.

Walau bagaimanapun, analisis terhadap operasi sebenar platform kripto menunjukkan bahawa fungsi kustodian tersebut sering melampaui sekadar penjagaan harta. Banyak platform bukan sahaja menyimpan aset pelanggan tetapi turut menggunakan aset tersebut dalam aktiviti ekonomi seperti *staking*, *lending*, atau pengurusan kecairan dalam pasaran.

Keadaan ini menimbulkan persoalan penting mengenai sifat penguasaan harta yang wujud dalam hubungan antara pengguna dan platform. Dalam fiqh muamalat, perubahan sifat penggunaan harta boleh menukar kedudukan tangan daripada *yad al-amānah* kepada *yad al-ḍamān*, khususnya apabila pihak yang memegang harta menggunakan harta tersebut di luar had yang dibenarkan oleh pemilik.

Perbahasan ini telah dihuraikan oleh fuqaha mazhab Shāfiʿī dalam karya turath mereka. Sebagai contoh, sebagaimana dinyatakan oleh al-Māwardī dalam *al-Hāwī al-Kabīr*, dalam perbahasan mengenai penggunaan harta melebihi had yang dipersetujui dalam akad sewaan, beliau menjelaskan bahawa pihak yang menggunakan harta secara melampaui had yang dibenarkan menanggung tanggungjawab penuh terhadap kerosakan yang berlaku akibat penggunaan tersebut.

Huraian ini menunjukkan bahawa fiqh muamalat menilai tanggungjawab bukan hanya berdasarkan bentuk kontrak, tetapi juga berdasarkan hakikat penggunaan harta dan tahap kawalan yang dimiliki oleh pihak yang memegang harta tersebut. Struktur kustodian dalam platform kripto juga menimbulkan persoalan mengenai pemisahan antara pemilikan formal dan kawalan sebenar terhadap harta.

Dalam sistem *blockchain* yang tidak melibatkan kustodian, pemilik aset digital memegang *private keys* yang memberikan kawalan langsung terhadap aset tersebut. Namun dalam model kustodian, kawalan terhadap *private keys* berada pada platform pertukaran, sekali gus menjadikan platform tersebut sebagai pihak yang menguasai aset secara praktikal walaupun pemilikan nominal kekal pada pengguna.

Dari perspektif fiqh muamalat, keadaan ini menyerupai hubungan di mana pemilik menyerahkan harta kepada pihak lain untuk penjagaan, yang lazimnya diklasifikasikan sebagai hubungan amanah dalam akad seperti *wadīʿah* atau *wakālah*. Namun demikian, hubungan amanah dalam fiqh muamalat tidak bermaksud bahawa pemegang harta bebas sepenuhnya daripada tanggungjawab terhadap kerosakan harta.

Para fuqaha menegaskan bahawa tangan amanah boleh berubah menjadi tangan tanggungan apabila berlaku pelampauan atau kecuaian dalam pengurusan harta. Oleh itu, analisis terhadap struktur kustodian dalam platform kripto perlu menilai sama ada platform tersebut benar-benar berfungsi sebagai penjaga amanah atau sebenarnya menjalankan bentuk penguasaan yang membawa implikasi tanggungjawab dhamān dalam fiqh muamalat.

Tambahan pula, banyak platform kripto memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan melalui yuran transaksi, spread perdagangan, dan pelbagai bentuk aktiviti pengurusan aset digital. Dalam fiqh muamalat, hubungan antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko merupakan prinsip asas dalam pengagihan risiko dalam transaksi harta.

Sebagaimana dihuraikan oleh al-Juwaynī dalam Nihāyat al-Maṭlab (Vol. 5, p. 214), dalam perbahasan mengenai hubungan antara manfaat dan tanggungjawab dalam transaksi jual beli, manfaat yang diperoleh daripada sesuatu harta diberikan kepada pihak yang menanggung risiko terhadap harta tersebut. Prinsip ini menunjukkan bahawa pihak yang memperoleh manfaat daripada penguasaan harta tidak boleh mengelakkan tanggungjawab terhadap risiko yang berkaitan dengan harta tersebut.

Struktur operasi platform kripto sering menunjukkan pemisahan antara kedua-dua unsur ini, di mana platform memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan tetapi mengehadkan tanggungjawab mereka terhadap kehilangan aset melalui klausa pengecualian liabiliti dalam kontrak digital.

Kajian dalam literatur *fintech* menunjukkan bahawa pendekatan ini mewujudkan ketidakseimbangan risiko antara platform dan pengguna kerana pengguna menanggung kerugian walaupun mereka tidak mempunyai kawalan sebenar terhadap sistem penyimpanan aset (Rabbani et al., 2023; Ullah et al., 2025; Cong, Li, & Wang, 2023).

Dari perspektif fiqh muamalat, struktur seperti ini berpotensi bercanggah dengan prinsip yang menghubungkan manfaat ekonomi dengan tanggungjawab risiko dalam pengurusan harta. Berdasarkan analisis ini, dapat diperhatikan bahawa struktur kustodian dalam ekosistem kripto menimbulkan persoalan serius mengenai keserasian model liabiliti dalam industri tersebut dengan prinsip fiqh muamalat.

Walaupun platform kripto sering menggambarkan diri mereka sebagai penyedia teknologi semata-mata, hakikat kawalan terhadap *private keys* dan pengurusan aset pelanggan menunjukkan bahawa mereka menjalankan fungsi kustodian yang membawa implikasi tanggungjawab terhadap keselamatan harta pelanggan. Oleh itu, analisis fiqh terhadap struktur ini memerlukan penelitian terhadap konsep dhamān dalam turath bagi menentukan bentuk tanggungjawab yang sepatutnya dikenakan terhadap pihak yang menguasai aset digital dalam sistem blockchain.

Jadual 1. Struktur Custodial Wallet dalam Blockchain dari Perspektif Fiqh

Elemen Operasi Kripto	Struktur Operasi Platform	Analisis Fiqh Shāfiʿī	Implikasi Dhamān
Penyimpanan aset digital	Platform menyimpan *private keys*	Menyerupai hubungan amanah (yad al-amānah)	Tanggungjawab penjagaan harta
Kawalan transaksi	Platform mengawal pengeluaran dan pemindahan aset	Penguasaan sebenar terhadap harta	Potensi perubahan kepada yad al-ḍamān
Penggunaan aset pelanggan	Digunakan untuk staking atau liquidity	Pelampauan penggunaan harta	Boleh mewujudkan dhamān
Yuran dan manfaat ekonomi	Platform memperoleh keuntungan daripada transaksi	Prinsip الخراج بالضمان	Manfaat memerlukan tanggungjawab risiko
Klausa pengecualian liabiliti	Platform mengehadkan tanggungjawab dalam kontrak	Bertentangan dengan prinsip الغنم بالغرم	Ketidakseimbangan risiko

Yad al-Amānah dan *Yad al-Ḍamān* dalam Penjagaan Aset *Blockchain*

Perbahasan mengenai *yad al-amānah* dan *yad al-ḍamān* merupakan asas penting dalam menentukan tanggungjawab terhadap harta dalam fiqh muamalat, kerana kedua-dua konsep ini menentukan sama ada pemegang harta bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan harta tersebut. Dalam kerangka mazhab Shāfiʿī, perbezaan antara kedua-

dua bentuk tangan ini tidak semata-mata ditentukan oleh bentuk kontrak yang digunakan, tetapi lebih bergantung kepada sifat penggunaan harta serta tahap kawalan yang dimiliki oleh pihak yang memegang harta tersebut.

Oleh itu, analisis terhadap struktur penjagaan aset dalam blockchain perlu menilai secara teliti bentuk penguasaan yang wujud dalam hubungan antara pengguna dan platform kustodian. Dalam fiqh muamalat, *yad al-amānah* merujuk kepada keadaan di mana seseorang memegang harta milik pihak lain untuk tujuan penjagaan atau pengurusan tanpa memindahkan hak milik harta tersebut.

Contoh klasik bagi bentuk tangan ini ialah akad *wadīʿah*, *wakālah*, dan sebahagian bentuk *ijārah*, di mana pemegang harta berfungsi sebagai penjaga atau pengurus harta milik pihak lain. Dalam keadaan ini, pemegang harta tidak menanggung liabiliti terhadap kerosakan harta selagi tidak berlaku pelampauan atau kecuaian dalam penjagaan harta. Prinsip ini dijelaskan oleh fuqaha mazhab Shāfiʿī dalam pelbagai karya *turath* yang membincangkan tanggungjawab penjaga harta dalam akad amanah.

Sebagai contoh, sebagaimana dinyatakan oleh al-Juwaynī dalam Nihāyat al-Maṭlab (Vol. 5, p. 214), dalam perbahasan mengenai tanggungjawab penjaga harta dalam akad amanah, beliau menjelaskan bahawa pemegang harta yang menjaga harta milik orang lain tidak menanggung tanggungjawab terhadap kerosakan selagi tidak berlaku pelampauan penggunaan atau kecuaian dalam penjagaan harta tersebut.

Prinsip ini menjadi asas kepada kaedah fiqh yang terkenal bahawa pemegang amanah tidak menanggung tanggungjawab kecuali apabila berlaku *taʿaddī* atau *taqṣīr*. Dalam kerangka ini, fiqh muamalat menganggap penjaga harta sebagai pihak yang membantu pemilik harta tanpa memindahkan tanggungjawab risiko secara mutlak kepada penjaga tersebut.

Walau bagaimanapun, para fuqaha turut menegaskan bahawa sifat tangan amanah boleh berubah kepada tangan tanggungan apabila berlaku perubahan dalam cara penggunaan harta. Sebagaimana dihuraikan oleh al-Māwardī dalam *al-Hāwī al-Kabīr*, dalam bab yang membincangkan pelampauan penggunaan harta dalam akad sewaan, penggunaan harta yang melampaui had yang dibenarkan oleh pemilik boleh menukar sifat tangan daripada amanah kepada pencerobohan yang membawa tanggungjawab penuh terhadap kerosakan yang berlaku.

Analisis ini menunjukkan bahawa fiqh muamalat menilai tanggungjawab berdasarkan realiti penggunaan harta, bukan semata-mata berdasarkan label kontrak yang digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat. Perbezaan antara kedua-dua bentuk tangan ini menjadi sangat penting apabila dianalisis dalam konteks sistem kustodian dalam ekosistem *blockchain*.

Dalam banyak platform pertukaran kripto, pengguna menyerahkan kawalan terhadap *private keys* kepada platform untuk memudahkan transaksi dan penyimpanan aset digital. Dari satu sudut, keadaan ini boleh dianalogikan dengan hubungan amanah kerana platform memegang aset bagi pihak pengguna tanpa memindahkan pemilikan harta tersebut.

Namun demikian, struktur operasi sebenar platform kripto sering menunjukkan bahawa platform bukan sahaja menyimpan aset pelanggan tetapi juga mengawal sepenuhnya akses kepada aset tersebut, termasuk proses pengeluaran, pemindahan, dan pengurusan aset dalam sistem perdagangan. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada hubungan tersebut benar-benar boleh diklasifikasikan sebagai hubungan amanah atau sebenarnya menyerupai bentuk penguasaan yang membawa implikasi tanggungjawab *dhamān*.

Dalam fiqh muamalat, apabila seseorang pihak mempunyai kawalan penuh terhadap harta dan menggunakan harta tersebut dalam aktiviti ekonomi yang memberi manfaat kepadanya, sifat penguasaan tersebut boleh membawa kepada perubahan tangan daripada *yad al-amānah* kepada *yad al-ḍamān*. Perubahan ini berlaku kerana pihak yang memegang harta tidak lagi sekadar menjaga harta bagi pihak pemilik, tetapi turut menggunakan harta tersebut dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada dirinya sendiri.

Dalam ekosistem kripto moden, banyak platform pertukaran memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan melalui pelbagai bentuk aktiviti kewangan digital seperti staking, lending, atau pengurusan kecairan dalam pasaran. Aktiviti ini menunjukkan bahawa platform tersebut bukan sekadar penjaga pasif terhadap harta pelanggan, tetapi turut menjalankan fungsi pengurusan aset yang memberikan manfaat ekonomi kepada platform.

Dari perspektif fiqh muamalat, keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai keserasian struktur tersebut dengan prinsip yang menghubungkan manfaat ekonomi dengan tanggungjawab risiko terhadap harta. Perbahasan ini berkait rapat dengan kaedah fiqh yang menegaskan bahawa keuntungan ekonomi daripada sesuatu harta berkait rapat dengan tanggungjawab terhadap risiko yang berkaitan dengan harta tersebut.

Prinsip ini sering dirumuskan melalui kaedah الغنم بالغرم, yang menunjukkan bahawa keuntungan dan tanggungan risiko merupakan dua unsur yang tidak boleh dipisahkan dalam transaksi harta. Oleh itu, struktur operasi platform kripto yang memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan tetapi mengehadkan tanggungjawab terhadap kehilangan aset menimbulkan ketegangan normatif apabila dianalisis dari perspektif fiqh muamalat.

Tambahan pula, kajian dalam literatur fintech menunjukkan bahawa banyak insiden kehilangan aset digital berlaku akibat kegagalan sistem keselamatan, salah urus dana pelanggan, atau kelemahan dalam tadbir urus platform pertukaran kripto (Rabbani et al., 2023; Allen et al., 2022; Ullah et al., 2025). Dalam banyak kes tersebut, pengguna kehilangan akses kepada aset mereka walaupun mereka dianggap sebagai pemilik aset dalam sistem blockchain.

Dari perspektif fiqh muamalat, keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada platform kustodian boleh dianggap sebagai pemegang amanah yang bebas daripada liabiliti, atau sebenarnya memikul tanggungjawab dhamān terhadap kehilangan aset tersebut. Oleh itu, analisis terhadap konsep *yad al-amānah* dan *yad al-ḍamān* dalam *turath* Shāfiʿī menunjukkan bahawa penentuan tanggungjawab dalam penjagaan aset tidak boleh bergantung kepada label kontrak semata-mata, tetapi perlu menilai hakikat penguasaan terhadap harta dan bentuk penggunaan harta dalam sistem tersebut.

Dalam konteks *blockchain*, kawalan terhadap *private keys* memberikan platform kustodian kuasa sebenar terhadap aset pelanggan, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai tanggungjawab terhadap keselamatan dan integriti harta pelanggan. Dengan menggunakan kerangka analisis ini, kajian ini menilai sama ada struktur penjagaan aset dalam ekosistem kripto selaras dengan prinsip fiqh muamalat yang menegaskan hubungan erat antara penguasaan harta, manfaat ekonomi, dan tanggungjawab risiko.

Jadual 2. Analisis *Yad al-Amānah* dan *Yad al-Ḍamān* dalam Penjagaan Aset *Blockchain*

Elemen Analisis	***Yad al-Amānah* dalam Fiqh**	**Struktur *Blockchain* Custody**	**Implikasi Fiqh**
Kawalan terhadap harta	Terhad kepada penjagaan	Platform mengawal *private keys*	Kawalan sebenar terhadap aset
Penggunaan harta	Tidak boleh digunakan untuk manfaat penjaga	Digunakan dalam staking atau *liquidity*	Potensi pelampauan penggunaan
Tanggungjawab risiko	Tidak menanggung kecuali *taʿaddī* atau *taqṣīr*	Risiko sering dipindahkan kepada pengguna	Ketidakseimbangan liabiliti
Manfaat ekonomi	Penjaga tidak mengambil manfaat daripada harta	Platform memperoleh yuran dan keuntungan	Bertentangan dengan prinsip manfaat-risiko

Struktur kontrak	Hubungan amanah	Terma digital mengehadkan liabiliti	Konflik dengan prinsip *dhamān*

Kelampauan dan Kecuaian dalam Pengurusan Aset *Blockchain*

Perbahasan mengenai pelampauan penggunaan harta dan kecuaian dalam penjagaan harta merupakan asas penting dalam teori liabiliti dalam fiqh muamalat, kerana kedua-dua keadaan ini menentukan bila pemegang harta bertanggungjawab terhadap kerugian yang berlaku terhadap harta milik pihak lain. Dalam tradisi mazhab Shāfiʿī, pemegang harta yang menjaga harta milik orang lain pada asalnya dianggap sebagai pemegang amanah yang tidak menanggung tanggungjawab terhadap kerosakan harta tersebut.

Namun demikian, keadaan ini berubah apabila berlaku pelampauan penggunaan atau kecuaian dalam penjagaan harta, kerana kedua-dua keadaan tersebut menukar sifat tangan daripada amanah kepada tangan tanggungan yang mewajibkan pampasan terhadap kerugian yang berlaku. Dalam karya turath mazhab Shāfiʿī, perbahasan mengenai pelampauan penggunaan harta sering dikaitkan dengan situasi di mana seseorang menggunakan harta melebihi had yang dibenarkan oleh pemilik.

Sebagaimana dijelaskan oleh al-Māwardī dalam *al-Hāwī al-Kabīr*, dalam perbahasan mengenai penggunaan harta dalam akad sewaan, pelampauan penggunaan harta menyebabkan pemegang harta menanggung tanggungjawab penuh terhadap kerosakan yang berlaku. Analisis ini menunjukkan bahawa fiqh muamalat menilai tanggungjawab berdasarkan hakikat penggunaan harta dan bukan semata-mata berdasarkan struktur kontrak yang dinyatakan dalam akad.

Oleh itu, sekiranya seseorang pihak menggunakan harta milik orang lain di luar tujuan yang dibenarkan oleh pemilik, tindakan tersebut boleh menyebabkan perubahan status tangan daripada amanah kepada bentuk penguasaan yang membawa implikasi liabiliti. Prinsip ini mempunyai implikasi yang sangat penting dalam analisis terhadap struktur operasi platform kripto moden.

Dalam banyak platform pertukaran kripto, pengguna menyerahkan kawalan terhadap *private keys* kepada *platform* untuk memudahkan transaksi dan penyimpanan aset digital. Walaupun keadaan ini pada asalnya boleh dianalogikan dengan hubungan amanah dalam fiqh muamalat, struktur operasi sebenar platform tersebut sering menunjukkan bahawa platform bukan sekadar menyimpan aset pelanggan tetapi turut menggunakan aset tersebut dalam aktiviti ekonomi seperti staking, lending, atau pengurusan kecairan dalam pasaran.

Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada penggunaan aset pelanggan dalam aktiviti tersebut masih berada dalam kerangka amanah atau sebenarnya telah melampaui had penggunaan yang dibenarkan. Selain pelampauan penggunaan, kecuaian dalam penjagaan harta juga merupakan asas penting dalam penentuan tanggungjawab dalam fiqh muamalat.

Para fuqaha menegaskan bahawa pemegang amanah bertanggungjawab menjaga harta milik orang lain dengan tahap penjagaan yang selaras dengan amalan biasa dalam masyarakat. Sekiranya pemegang harta gagal menjaga harta tersebut dengan tahap penjagaan yang sewajarnya sehingga menyebabkan kerugian kepada pemilik harta, maka kecuaian tersebut boleh menjadi asas kepada kewajipan pampasan terhadap kerugian yang berlaku.

Dalam konteks ini, fiqh muamalat menilai tanggungjawab berdasarkan standard penjagaan yang munasabah dalam pengurusan harta. Banyak insiden kehilangan aset digital berpunca daripada kegagalan sistem keselamatan, kelemahan pengurusan *private keys*, atau kegagalan platform melaksanakan sistem pengasingan aset pelanggan secara berkesan.

Kajian dalam literatur fintech menunjukkan bahawa banyak platform kripto beroperasi dengan tahap tadbir urus risiko yang tidak setanding dengan institusi kewangan

tradisional, sekali gus meningkatkan risiko kehilangan aset pelanggan (Allen et al., 2022; Rabbani et al., 2023; Ullah et al., 2025). Dalam beberapa kes yang dilaporkan, kehilangan aset digital berlaku akibat kelemahan sistem keselamatan dalaman atau salah urus dana pelanggan oleh platform pertukaran.

Dari perspektif fiqh muamalat, kegagalan melaksanakan langkah keselamatan yang munasabah dalam penjagaan harta boleh diklasifikasikan sebagai kecuaian dalam penjagaan harta. Sekiranya platform kustodian mempunyai kawalan penuh terhadap *private keys* dan sistem penyimpanan aset pelanggan, maka mereka juga memikul tanggungjawab untuk memastikan keselamatan aset tersebut melalui sistem pengurusan risiko yang mencukupi.

Kegagalan melaksanakan langkah-langkah tersebut boleh menimbulkan tanggungjawab pampasan terhadap kerugian yang berlaku kepada pelanggan. Selain itu, perbahasan turath juga menunjukkan bahawa tanggungjawab terhadap kerosakan harta tidak semestinya terhad kepada satu pihak sahaja. Dalam keadaan tertentu, liabiliti boleh diagihkan antara beberapa pihak sekiranya kerosakan berpunca daripada lebih daripada satu sebab.

Prinsip ini penting dalam analisis terhadap ekosistem blockchain yang melibatkan pelbagai entiti dalam pengurusan aset digital, termasuk platform pertukaran, penyedia dompet digital, penyedia perkhidmatan keselamatan siber, serta protokol blockchain itu sendiri. Dalam keadaan sedemikian, analisis fiqh perlu menilai peranan setiap pihak dalam menyebabkan kerosakan terhadap harta bagi menentukan pembahagian tanggungjawab yang adil.

Berdasarkan analisis ini, dapat diperhatikan bahawa konsep pelampauan penggunaan dan kecuaian dalam penjagaan harta memberikan kerangka analisis yang penting untuk menilai struktur liabiliti dalam ekosistem kripto. Walaupun teknologi *blockchain* sering digambarkan sebagai sistem yang bersifat automatik dan tidak memerlukan kepercayaan terhadap institusi perantara, realiti operasi pasaran menunjukkan bahawa banyak platform masih berfungsi sebagai kustodian yang mengawal akses kepada aset pelanggan.

Dalam keadaan sedemikian, fiqh muamalat menuntut agar pihak yang mengawal harta memikul tanggungjawab terhadap kerosakan yang berlaku akibat pelampauan penggunaan atau kecuaian dalam penjagaan harta.

Jadual 3. Risiko Pelampauan dan Kecuaian dalam Pengurusan Aset *Blockchain*

Situasi Dalam Kripto	Analisis Fiqh Muamalat	Jenis Liabiliti
Platform menggunakan aset pelanggan untuk staking	Penggunaan harta melebihi tujuan penjagaan	Pelampauan penggunaan
Kegagalan sistem keselamatan platform	Kecuaian dalam penjagaan harta	Tanggungjawab pampasan
Salah urus dana pelanggan oleh platform	Penggunaan harta tanpa kebenaran pemilik	Liabiliti penuh
Kehilangan aset akibat kegagalan pengurusan *private keys*	Kegagalan menjaga amanah	Liabiliti terhadap kerugian
Risiko teknikal dalam rangkaian blockchain	Faktor sistemik yang perlu dinilai	Potensi pembahagian liabiliti

IMPLIKASI TERHADAP PENGURUSAN PLATFORM KRIPTO

Analisis terhadap konsep dhamān dalam fiqh muamalat mazhab Shāfiʿī menunjukkan bahawa pengurusan harta dalam sistem kewangan tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab terhadap risiko kerosakan atau kehilangan harta tersebut. Prinsip ini memberikan implikasi yang penting terhadap struktur tadbir urus platform kripto,

khususnya platform pertukaran yang berfungsi sebagai kustodian aset digital bagi pihak pengguna.

Dalam ekosistem blockchain moden, banyak platform kripto mengawal *private keys* pelanggan dan mengurus transaksi aset digital melalui sistem dompet kustodian, sekali gus menjadikan platform tersebut sebagai pihak yang mempunyai penguasaan sebenar terhadap aset pelanggan (Allen et al., 2022; Shin & Rice, 2022; Ullah et al., 2025). Dari perspektif fiqh muamalat, penguasaan terhadap harta membawa implikasi tanggungjawab terhadap keselamatan harta tersebut.

Prinsip ini menunjukkan bahawa platform kripto yang mengawal *private keys* pelanggan tidak boleh dianggap sekadar penyedia teknologi semata-mata kerana mereka mempunyai kuasa untuk memindahkan atau mengurus aset pelanggan. Oleh itu, tanggungjawab terhadap keselamatan aset digital tidak boleh dipindahkan sepenuhnya kepada pengguna melalui klausa pengecualian liabiliti dalam kontrak digital.

Sebaliknya, platform yang mengawal aset pelanggan perlu memikul tanggungjawab terhadap risiko kehilangan aset selaras dengan prinsip dhamān dalam fiqh muamalat. Implikasi pertama daripada analisis ini ialah keperluan untuk membangunkan struktur tadbir urus kustodian yang lebih bertanggungjawab dalam platform kripto.

Platform yang mengurus aset pelanggan perlu memastikan bahawa sistem penyimpanan aset digital dilindungi melalui mekanisme keselamatan yang mencukupi, termasuk pengasingan aset pelanggan, penggunaan sistem dompet berbilang tandatangan, serta pelaksanaan kawalan keselamatan yang ketat terhadap pengurusan *private keys*. Pendekatan ini selaras dengan prinsip perlindungan harta dalam fiqh muamalat yang menuntut agar pemegang amanah menjaga harta milik orang lain dengan tahap penjagaan yang sewajarnya.

Implikasi kedua berkaitan dengan hubungan antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko dalam operasi platform kripto. Banyak platform memperoleh keuntungan daripada pengurusan aset pelanggan melalui yuran transaksi, *spread* perdagangan, serta aktiviti pengurusan kecairan dalam pasaran kripto. Dalam fiqh muamalat, manfaat ekonomi daripada sesuatu harta berkait rapat dengan tanggungjawab terhadap risiko harta tersebut.

Oleh itu, platform yang memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan tidak boleh mengelakkan tanggungjawab terhadap kerugian yang berlaku kepada pelanggan akibat kelemahan dalam sistem pengurusan aset. Implikasi ketiga berkaitan dengan struktur kontrak digital dalam platform kripto. Dalam banyak platform pertukaran kripto, kontrak digital yang digunakan sering mengandungi klausa pengecualian liabiliti yang mengehadkan tanggungjawab platform terhadap kehilangan aset pelanggan.

Dari perspektif fiqh muamalat, pendekatan ini menimbulkan persoalan kerana tanggungjawab terhadap harta tidak boleh dihapuskan semata-mata melalui kontrak sekiranya pihak tersebut mempunyai penguasaan sebenar terhadap harta. Oleh itu, struktur kontrak dalam platform kripto perlu dinilai semula bagi memastikan bahawa pengagihan risiko antara platform dan pengguna selaras dengan prinsip keadilan dalam muamalat.

Selain itu, analisis ini juga mempunyai implikasi terhadap kerangka regulatori kewangan Islam dalam menghadapi perkembangan teknologi blockchain. Sebagai contoh, dokumen dasar berkaitan inovasi teknologi kewangan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia menekankan bahawa institusi yang membangunkan teknologi kewangan baharu perlu memastikan bahawa inovasi tersebut tidak menjejaskan perlindungan pengguna serta pengurusan risiko dalam sistem kewangan (Bank Negara Malaysia, 2023).

Pendekatan ini menunjukkan bahawa inovasi teknologi kewangan tidak boleh menghapuskan tanggungjawab institusi terhadap pengurusan harta pelanggan walaupun sistem tersebut beroperasi dalam persekitaran digital. Pendekatan yang sama turut dapat dilihat dalam piawaian tadbir urus yang diterbitkan oleh AAOIFI, yang menekankan bahawa institusi kewangan Islam perlu memastikan bahawa pengurusan dana pelanggan dilakukan

secara amanah serta tertakluk kepada mekanisme pengawasan Syariah yang mencukupi (AAOIFI, 2020; AAOIFI, 2022).

Prinsip ini boleh diperluaskan kepada platform kripto yang mengurus aset digital bagi pihak pelanggan, kerana pengurusan aset digital pada hakikatnya melibatkan pengurusan harta milik pengguna yang memerlukan tahap akauntabiliti yang tinggi. Selain implikasi regulatori, analisis ini juga menunjukkan keperluan untuk membangunkan model tadbir urus Syariah bagi platform kripto.

Dalam model ini, platform yang mengurus aset pelanggan perlu melaksanakan mekanisme pengawasan Syariah yang memastikan bahawa struktur operasi platform selaras dengan prinsip fiqh muamalat. Pengawasan ini boleh melibatkan pemantauan terhadap struktur kontrak digital, sistem pengurusan risiko, serta mekanisme perlindungan pengguna dalam platform tersebut.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap konsep dhamān dalam fiqh muamalat menunjukkan bahawa struktur liabiliti dalam platform kripto perlu dinilai semula bagi memastikan bahawa pengagihan risiko antara platform dan pengguna selaras dengan prinsip perlindungan harta dalam Syariah. Platform yang mengawal aset pelanggan tidak boleh mengelakkan tanggungjawab terhadap kerugian yang berlaku kepada pengguna kerana penguasaan terhadap harta merupakan asas kepada penentuan liabiliti dalam fiqh muamalat.

Oleh itu, pembangunan kerangka tadbir urus yang lebih bertanggungjawab dalam pengurusan aset digital merupakan langkah penting untuk memastikan bahawa inovasi teknologi kewangan selaras dengan prinsip keadilan dan perlindungan harta dalam sistem kewangan Islam.

PENUTUP

Perkembangan pesat teknologi blockchain dan pasaran kripto telah mewujudkan bentuk baharu pengurusan aset digital yang mencabar kerangka tradisional dalam sistem kewangan. Walaupun teknologi ini sering digambarkan sebagai sistem kewangan teragih yang tidak memerlukan institusi perantara, analisis terhadap operasi sebenar pasaran menunjukkan bahawa sebahagian besar pengguna kripto masih bergantung kepada platform pertukaran yang bertindak sebagai kustodian aset digital.

Platform-platform ini bukan sahaja menyediakan infrastruktur perdagangan, tetapi juga mengawal *private keys* pelanggan serta mengurus penyimpanan dan pemindahan aset digital dalam sistem mereka. Keadaan ini menjadikan platform kripto sebagai pihak yang mempunyai penguasaan sebenar terhadap aset pelanggan, sekali gus menimbulkan persoalan penting mengenai struktur liabiliti dalam pengurusan aset digital.

Kajian ini menunjukkan bahawa konsep dhamān dalam fiqh muamalat mazhab Shāfiʿī menyediakan kerangka teori yang kukuh untuk menilai struktur liabiliti dalam ekosistem *blockchain*. Analisis terhadap turath fiqh menunjukkan bahawa tanggungjawab terhadap harta tidak semata-mata ditentukan oleh bentuk kontrak formal tetapi juga oleh hakikat penguasaan terhadap harta serta tahap kawalan terhadap penggunaan harta tersebut.

Oleh itu, platform kripto yang mengawal *private keys* pelanggan tidak boleh dianggap sekadar penyedia teknologi kerana mereka mempunyai kuasa sebenar terhadap aset pelanggan. Dalam kerangka fiqh muamalat, penguasaan terhadap harta membawa implikasi tanggungjawab terhadap keselamatan harta tersebut.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa banyak struktur operasi platform kripto memisahkan manfaat ekonomi daripada tanggungjawab risiko. Platform memperoleh keuntungan daripada pengurusan aset pelanggan melalui yuran transaksi, spread perdagangan, serta pelbagai bentuk aktiviti kewangan digital, namun pada masa yang sama mengehadkan tanggungjawab mereka terhadap kehilangan aset melalui klausa pengecualian liabiliti dalam kontrak digital.

Dari perspektif fiqh muamalat, pemisahan ini bercanggah dengan prinsip yang menghubungkan manfaat ekonomi dengan tanggungjawab risiko dalam pengurusan harta.

Prinsip ini menegaskan bahawa pihak yang memperoleh manfaat daripada sesuatu harta perlu menanggung risiko yang berkaitan dengan harta tersebut.

Melalui analisis terhadap lima belas prinsip dhamān yang dihuraikan dalam turath mazhab Shāfiʿī, kajian ini menunjukkan bahawa struktur liabiliti dalam ekosistem kripto boleh dinilai melalui beberapa elemen utama iaitu penguasaan terhadap aset, bentuk penggunaan aset, tahap kawalan terhadap risiko keselamatan, serta hubungan antara manfaat ekonomi dan tanggungjawab risiko.

Prinsip-prinsip ini memberikan kerangka analisis yang lebih sistematik untuk menilai struktur tanggungjawab dalam teknologi kewangan moden, khususnya dalam konteks platform kripto yang berfungsi sebagai kustodian aset digital. Ini turut menunjukkan bahawa konsep *dhamān* boleh digunakan sebagai asas untuk membangunkan model liabiliti Syariah dalam pengurusan aset blockchain.

Dalam model ini, platform yang mengawal *private keys* pelanggan perlu mengiktiraf tanggungjawab mereka terhadap keselamatan aset pelanggan kerana kawalan terhadap *private keys* memberikan mereka penguasaan sebenar terhadap aset tersebut. Selain itu, platform yang memperoleh manfaat ekonomi daripada pengurusan aset pelanggan perlu menanggung tanggungjawab terhadap risiko kehilangan aset selaras dengan prinsip pengagihan risiko dalam fiqh muamalat.

RUJUKAN

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). (2020). Governance Standard No. 10: Shariah compliance and fiduciary ratings. Manama: AAOIFI.

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). (2022). Governance Standard No. 18: Shariah decision-making process. Manama: AAOIFI.

Allen, F., Gu, X., & Jagtiani, J. (2022). A survey of fintech research and policy discussion. Review of Corporate Finance, 2(3–4), 259–339.

Aramonte, S., Huang, W., & Schrimpf, A. (2021). DeFi risks and the decentralisation illusion. BIS Quarterly Review.

Arner, D. W., Buckley, R. P., Zetzsche, D. A., & Didenko, A. (2016). The evolution of fintech: A new post-crisis paradigm. Georgetown Journal of International Law.

Auer, R., Cornelli, G., & Frost, J. (2022). Crypto trading and Bitcoin prices: Evidence from blockchain data. BIS Working Papers.

Auer, R., Cornelli, G., Doerr, S., Frost, J., & Gambacorta, L. (2023). Crypto trading and decentralised finance: Implications for financial stability. BIS Working Papers.

Bank Negara Malaysia. (2023). Financial technology regulatory sandbox framework. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Catalini, C., & Gans, J. S. (2021). Some simple economics of the blockchain. Communications of the ACM, 63(7), 80–90.

Chen, Y., & Bellavitis, C. (2022). Blockchain disruption and decentralized finance: The rise of decentralized business models. Journal of Business Venturing Insights, 13, e00151.

Cong, L. W., Li, Y., & Wang, N. (2023). Tokenomics: Dynamic adoption and valuation. Review of Financial Studies, 36(1), 120–171.

Gudgeon, L., Werner, S., Perez, D., & Knottenbelt, W. (2021). DeFi protocols for lending and borrowing. In Financial Cryptography and Data Security.

Haneef, M. A., & Furqani, H. (2022). Methodology of Islamic economics: Problems and solutions. Routledge.

Hassan, M. K., Aliyu, S., & Saiti, B. (2022). Islamic fintech: Current state and future challenges. Pacific-Basin Finance Journal, 71, 101707.

Howell, S. T., Niessner, M., & Yermack, D. (2023). Initial coin offerings: Financing growth with cryptocurrency token sales. Review of Financial Studies.

Al-Juwaynī, A. al-Maʿali. (n.d.). Nihāyat al-Maṭlab fi dirayat al-madhhab. Beirut: Dar al-Minhaj.

Kamali, M. H. (2024). Shariah law: An introduction (2nd ed.). Oneworld Publications.

Lahsasna, A. (2023). Shariah non-compliance risk management in Islamic finance. Routledge.

Al-Māwardī, A. al-Ḥasan. (n.d.). Al-Hāwī al-Kabīr fī fiqh madhhab al-Imām al-Shāfiʿī. Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah.

Muneeza, A., & Mustapha, Z. (2021). Fintech in Islamic finance: Theory and practice. ISRA International Journal of Islamic Finance, 13(2), 193–209.

Al-Nawawī, Y. b. Sharaf. (n.d.). Al-Majmu‘ sharh al-Muhadhdhab. Beirut: Dar al-Fikr.

Shin, D., & Rice, J. (2022). Cryptocurrency: a panacea for economic growth and sustainability? A critical review of crypto innovation. Telematics and Informatics, 71, 101830.

Al-Shīrāzī, A. Ishaq. (n.d.). Al-Muhadhdhab fi fiqh al-Imam al-Shāfiʿī. Beirut: Dar al-Kutub al-ʻIlmiyyah.

Rabbani, M. R., Khan, S., & Thalassinos, E. (2023). Fintech, blockchain and Islamic finance: Opportunities and challenges. International Journal of Economics and Business Administration, 11(2), 3–19.

Ullah, M., Sohag, K., Doroshenko, S., & Mariev, O. (2025). Examination of bitcoin hedging, diversification and safe-haven ability during financial crisis: evidence from equity, bonds, precious metals and exchange rate markets. Computational Economics, 66(1), 835-867.

Zetzsche, D. A., Buckley, R. P., Arner, D. W., & Didenko, A. (2023). Regulating Libra: The transformative potential of Facebook's cryptocurrency. European Banking Institute Working Paper.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.